



LIGA BOLA SEPAK PAHANG FIRST 2026

PERATURAN PERTANDINGAN



PERATURAN KEJOHANAN LIGA PAHANG FIRST 2026

TAKRIFAN

Penyelaras: Individu yang dilantik oleh Jawatankuasa Penganjur (OC) untuk menyelaras semua perlawanan mengikut peraturan.

Force Majeure: Sebarang kejadian di luar kawalan munasabah mana-mana pihak termasuk cuaca buruk luar biasa, banjir, kilat, ribut, kebakaran, letupan, gempa bumi, kerosakan struktur, wabak, kegagalan bekalan kuasa, peperangan, tindakan pengganas, rusuhan, mogok atau kekacauan awam.

OC: Jawatankuasa Penganjur yang dibentuk oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Pasukan: Pasukan yang mengesahkan penyertaan dalam Liga Pahang First 2026.

NAMA

Kejohanan ini dinamakan Liga Pahang First 2026 (selepas ini dirujuk sebagai "Kejohanan").

PENGURUSAN

Jawatankuasa Penganjur terdiri daripada ahli jawatankuasa yang dilantik oleh pihak penganjur.

OC hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan ahli-ahli lain yang dilantik.

SYARAT PENYERTAAN PASUKAN

- Bilangan Pemain: Setiap pasukan dibenarkan mendaftar antara 23 orang pemain dan 4 orang pegawai (Pengurus, Jurulatih, Perubatan, dll).
- Pemain: **PEMAIN HANYA DIBENARKAN DAN BOLEH DIDAFTARKAN MEWAKILI SATU PASUKAN SAHAJA.** Pemain **TIDAK DIBENARKAN** mewakili pasukan lain dalam semua peringkat kejohanan kecuali ketika pusingan kedua (*rujuk peraturan pertandingan pusingan kedua 16 terbaik*).
- Yuran Penyertaan: Yuran Penyertaan RM500 sebagai deposit komitmen atau kos pengurusan. Walaubagaimana pun YURAN tersebut akan dikembalikan selepas

tamat kejohanan dengan syarat tiada kesalahan pelanggaran peraturan (pergaduhan,provokasi,kebersihan) oleh pasukan semasa kejohanan.

- Dokumen Diperlukan: * Salinan Kad Pengenalan semua pemain dan pegawai.
- Gambar berukuran pasport (untuk kad akreditasi pemain).
- Borang pendaftaran rasmi yang disahkan oleh Pengurus Pasukan.

Tanggungjawab Pasukan:

- Menanggung kos penginapan,makan dan pengangkutan pasukan.

SYARAT KELAYAKAN PEMAIN

- Status Penduduk: Pemain mestilah RAKYAT YANG BERASAL DARI PAHANG ATAU BERMASTAUTIN DI NEGERI PAHANG Wajib dibuktikan melalui alamat dalam Kad Pengenalan (IC) (Kod negeri 06 atau 33, atau dokumen lain yang menunjuk bermastautin di negeri Pahang).
- Status permastautin : Bagi pemain yang bukan berasal dari Pahang (IC bukan 06 atau 32), tiga kaedah pengesahan status permastautin dipersetujui :
 - Pengesahan Penghulu
 - Status pengundi
 - Pengesahan majikan
- Had Umur: 18tahun (Lahir tahun 2008) ke atas
- Status Profesional: Pemain yang sedang berdaftar di bawah liga profesional (seperti Liga Super atau Liga Simpanan MFL yang mendaftar 2025/2026) tidak dibenarkan menyertai liga komuniti ini untuk menjaga keadilan persaingan.
- OC akan menyiasat jika terdapat aduan dan boleh membatalkan kelayakan pasukan jika terdapat unsur penipuan dikesan.

KEMUDAHAN DAN RAWATAN PERUBATAN

- OC tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kemalangan atau kematian sebelum, semasa atau selepas kejohanan.
- OC tidak menanggung kos hospitalisasi, pembedahan atau rawatan perubatan pasukan.
- OC tidak menyediakan perlindungan insurans kepada pasukan sepanjang kejohanan.

PERATURAN TEKNIKAL

- Segala peraturan terkini bola sepak 11 sebelah yang dikuatkasakan oleh FIFA dan AFC digunapakai bagi peraturan permainan dan **SEGALA KEPUTUSAN PENGADIL ADALAH MUKTAMAD.**
- Pertandingan 11 lawan 11 termasuk penjaga gol; 12 pemain gantian dibenarkan berada di bangku simpanan. Jumlah maksimum 23 pemain didaftarkan bagi setiap perlawanan.
- Minimum 8 orang pemain di atas padang apabila pasukan dipanggil masuk ke padang dan sepak mula. Kelewatan lebih 5 minit masuk ke padang selepas pasukan dipanggil boleh menyebabkan pasukan dikenakan 'walk over' dengan Keputusan 0-3 kemenangan diberikan kepada pihak lawan.
- Format: Kejohanan dilangsungkan secara Format Karnival (2 hari) dan dimulakan dengan peringkat kumpulan (liga) dan diikuti oleh pusingan kalah singkir).
- Juara di setiap Pusingan Pertama akan melayakan ke Pusingan 16 (kecuali bagi daerah Kuantan dan Temerloh). Empat pasukan terbaik daripada Pusingan Kuantan dan dua pasukan terbaik daripada Pusingan Temerloh akan melayakkan diri ke pusingan kedua (Pusingan 16) mengambilkira jumlah Parlimen di dalam kedua dua daerah berkaitan lebih banyak.
- Jersi: Pasukan wajib mempunyai sekurang-kurangnya satu set jersi yang seragam (bernombor) dan digalakkan mempunyai jersi "away" bagi mengelakkan pertembungan warna.
- Sistem Mata: 3 mata untuk menang, 1 mata untuk seri, dan 0 mata untuk kalah.
- Pasukan : Setiap pasukan WAJIB menurunkan seorang pemain bawah umur 19 tahun (**Lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya**) semasa perlawanan dan WAJIB menggantikan pemain yang berumur sama sekiranya ada pertukaran pemain yang melibatkan pemain bawah umur.
Pertukaran Pemain : Setiap pasukan dibenarkan membuat maksima 5 pertukaran dalam satu perlawanan.
- Lain-lain syarat khas pertandingan akan dimaklumkan di dalam borang pertandingan atau diumumkan ketika mesyuarat bersama pengurus Pasukan.

Penggantian semasa permainan dihentikan dengan kebenaran pengadil.

PERATURAN PERTANDINGAN PUSINGAN PERTAMA

PERINGKAT KUMPULAN

- Masa permainan ditentukan oleh penganjur di setiap daerah. Masa tambahan tertakluk kepada keputusan pengadil.
- 3 mata untuk menang, 1 mata untuk seri, dan 0 mata untuk kalah.
- Pasukan yang mendapat jumlah mata terbanyak akan menjadi JOHAN KUMPULAN.
- Sekiranya masih berkedudukan seri, mana-mana pasukan yang pernah mengalahkan lawannya akan dikira menang. (HEAD TO HEAD),
- Jika terdapat dua atau lebih pasukan yang mendapat mata yang sama, PERBEZAAN JARINGAN GOL dalam keseluruhan perlawanan akan diambil kira.
Jika perbezaan gol juga seri, maka mana-mana pasukan yang MENJARINGKAN GOL TERBANYAK dalam keseluruhan perlawanan akan dikira pemenang.
- Sekiranya kaedah di atas gagal menentukan kedudukan, maka SEPAKAN PENALTI akan dibuat sebanyak lima kali dan satu sepakan tambahan secara sudden death jika masih seri bagi menentukan pasukan yang layak.

PERLAWANAN KALAH SINGKIR PUSINGAN PERTAMA

- Perlawanan kalah singkir dijalankan secara satu pusingan sahaja. Tiada perlawanan timbal balik.
- Sekiranya keputusan seri, maka lima (5) sepakan penalti akan dilakukan (tiada tambahan masa).
- Jika masih lagi seri satu (1) tambahan sepakan penalti tambahan sehingga ada pemenang.
- Pemain yang bermain bersama pasukan yang tidak melayakkan diri ke pusingan kedua **TIDAK DIBENARKAN** untuk bermain bersama pasukan lain di **PUSINGAN DAERAH YANG LAIN** dan di pusingan daerah yang sama.

PERATURAN PERTANDINGAN PUSINGAN KEDUA (PUSINGAN 16 TERBAIK)

- Penentuan perlawanan pusingan kedua yang melibatkan 16 pasukan terbaik ditentukan oleh OC.
- Perlawanan akan diadakan secara timbal balik (2 perlawanan).
- Penentuan venue perlawanan ditentukan oleh OC.
- Kesemua lapan perlawanan akan dijalankan serentak dengan perlawanan kedua akan dijalankan pada minggu berikutnya.
- TIADA pertukaran pemain dibenarkan daripada pendaftaran 22 orang pemain pasukan di pusingan pertama namun **PENAMBAHAN PENDAFTARAN TIGA (3) ORANG PEMAIN DIBENARKAN DARIPADA PASUKAN DAERAH YANG SAMA SAHAJA. PEMAIN PASUKAN YANG TELAH LAYAK KE PUSINGAN KEDUA TIDAK DIBENARKAN UNTUK BERTUKAR PASUKAN.**
- Masa permainan adalah 80 minit (2 x 40 minit) dengan rehat 10 minit. Masa tambahan tertakluk kepada keputusan pengadil.
- Penentuan pemenang perlawanan dikira secara keputusan agregat selepas kedua dua perlawanan dimainkan. Tiada peraturan away gol diambil kira.
- Sekiranya keputusan seri, maka lima (5) sepakan penalti akan dilakukan (tiada tambahan masa).
- Jika masih lagi seri satu (1) tambahan sepakan penalti tambahan sehingga ada pemenang.
- Pemenang setiap perlawanan akan layak ke Peringkat ketiga (Grand Final).

PERATURAN PERTANDINGAN PUSINGAN KETIGA (GRAND FINAL)

- Perlawanan pusingan ketiga (grand final) akan melibatkan lapan pasukan yang memenangi perlawanan pusingan kedua.
- Penentuan perlawanan pusingan ketiga ditentukan oleh OC dan tidak dijalankan secara undian.
- Venue kesemua perlawanan akan diadakan di venue yang sama yang akan ditentukan oleh OC.
- Perlawanan dijalankan secara satu perlawanan Sahaja. Tiada perlawanan timbal balik akan dijalankan bagi pusingan ketiga.
- Tiada pertukaran dan pendaftaran pemain baru dibenarkan.
- Perlawanan pusingan ketiga (grand final) melibatkan pusingan suku akhir, separuh akhir dan perlawanan akhir bersama sama perlawanan ketiga/keempat.
- Kesemua perlawanan setiap pusingan akan dijalankan pada minggu yang sama dan perlawanan pusingan seterusnya akan dijalankan pada minggu seterusnya (3 minggu).
- Masa permainan adalah 80 minit (2 x 40 minit) dengan rehat 10 minit. Masa tambahan tertakluk kepada keputusan pengadil.

- Sekiranya keputusan seri , maka lima (5) sepakan penalti akan dilakukan (tiada tambahan masa).
- Jika masih lagi seri satu (1) tambahan sepakan penalti tambahan sehingga ada pemenang.
- Pasukan yang memenangi perlawanan akhir akan bergelar JUARA LIGA PAHANG FIRST 2026.

PEMBATALAN PERLAWANAN

Jika perlawanan tidak dapat dimulakan kerana force majeure, keadaan padang, cuaca atau lampu limpah:

- Ditangguhkan minimum 30 minit;
- Selepas penangguhan minimum, pengadil berhak mengisytiharkan perlawanan terbatal.
- OC memutuskan KEPUTUSAN PERLAWANAN. Tiada rayuan dibenarkan.

PENGHENTIAN PERLAWANAN

Jika dihentikan selepas sepak mula kerana sebab yang sama:

- Jika masih tidak boleh disambung, diisytihar terbengkalai.

Keputusan perlawanan ditentukan oleh OC.

UKURAN PADANG PERMAINAN

panjang 90–120m; lebar 45–90m; gol 7.32×2.44m; penalti 11m; bulatan tengah 9.15m.

BANGKU PASUKAN & KAWASAN TEKNIKAL

- Maksimum 16 orang (4 pegawai, 12 pemain).
- Nama diserahkan kepada Penyelaras. Pemain/pegawai digantung tidak dibenarkan berada di bangku simpanan.

PEMANASAN BADAN

Maksimum 5 pemain dalam satu masa yang sama tanpa bola (kecuali penjaga gol) di kawasan ditetapkan, dibantu 2 pegawai.

LATIHAN RASMI

Tiada latihan rasmi disediakan di venue.

BOLA PERLAWANAN RASMI

Bola perlawanan (Match ball) saiz 5

JADUAL KEJOHANAN

Mesyuarat Pengurus: Minimum sehari sebelum pertandingan.

Pertandingan: Maksimum 2 hari (mengikut pusingan)

WARNA & NOMBOR JERSI

Pasukan mengisytiharkan warna pertama.

Penentuan warna oleh OC.

Penjaga gol memakai warna berbeza dengan nombor berdaftar.

AKREDITASI

OC mengeluarkan akreditasi rasmi.

Mesti dipakai dan ditunjukkan apabila diminta.

KAD & PENGGANTUNGAN

2 kad kuning = gantung 1 perlawanan. Kad kuning terkumpul tidak dibawa ke pusingan kalah singkir.

Kad merah = gantung 2 perlawanan berikutnya termasuk jika pasukan layak ke peringkat dan pertandingan seterusnya.

Kad dibawa ke peringkat kalah singkir.

Pemain/pegawai digantung tidak dibenarkan di bangku/kawasan teknikal.

PEMAIN YANG BERGADUH/MENCETUSKAN PROVOKASI MELAMPAU AKAN DILARANG TERUS MENYERTAI LIGA.

BANTAHAN

Bantahan dilakukan dalam masa satu jam selepas wisel penamat dengan bayaran RM 500.00 (TIDAK DIPULANGKAN)

Tiada bantahan berkaitan keputusan pengadil di dalam padang.

PERKARA TIDAK DIPERUNTUKAN

Diputuskan oleh OC; keputusan muktamad. Tambahan peraturan akan dimaklumkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.

TAMAT